

UMS bantu bayar yuran Crisnalina

UB 11.10.2024 P.01

KOTA KINABALU:

Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengambil langkah segera membantu seorang pelajar dari Paitan yang dilaporkan menghadapi kesukaran membayar yuran pendaftaran bagi mengikuti pengajian di universiti itu.

Pelajar terbabit, Crisnalina Jumis, 20, dilaporkan berdepan kekangan membayar yuran pendaftaran sebanyak RM3,000 selain keperluan lain disebabkan ketidakmampuan keluarga.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Kasim Mansor berkata, beliau sudah menganjurkan Bahagian Kebajikan dan Kewangan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS untuk menghubungi pelajar terbabit.

"UMS amat prihatin terhadap isu kesukaran dari segi kewangan yang dialami oleh Crisnalina, justeru kita akan pastikan beliau akan menerima bantuan secukupnya apabila mendaftar ke universiti ini nanti."

"Bahagian Kebajikan dan Kewangan Pelajar juga akan memastikan bantuan terhadap keperluan beliau apabila berada di kampus selain membantu pelajar berkenaan membuat permohonan bantuan kewangan yang berkaitan, katanya dalam satu kenyataan, di sini.

Bercakap lanjut, Kasim berkata Crisnalina mahupun mana-mana pelajar baharu UMS tidak perlu khawatir mengenai pembayaran yuran pendaftaran universiti.

Katanya, pihak universiti melaksanakan



KASIM

pelbagai inisiatif termasuk penangguhan yuran pendaftaran universiti bagi memastikan pelajar dapat menyelesaikan urusan pendaftaran tanpa perlu bimbang mengenai masalah kewangan.

"Selain itu, pihak universiti juga menyediakan pelbagai bentuk bantuan yang boleh dimohon oleh pelajar khususnya yang kurang berkemampuan seperti bantuan kewangan MyCare, bakul makanan dan sumbangan zakat.

► **MuatMuka7**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UMS bantu bayar yuran Crisnalina

UB 11.10.2024 P.07

► **Dari Muka1**

"Bahagian Kebajikan dan Kewangan Pelajar juga bersedia membantu pelajar untuk membuat permohonan bantuan kewangan pendidikan seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), serta permohonan biasiswa seperti Biasiswa Kerajaan Negeri, Yayasan Sabah, Biasiswa MARA dan sebagainya," ka-

tanya.

Kasim berkata inisiatif yang dilaksanakan itu adalah usaha UMS dalam mengutamakan kebajikan pelajar agar dapat melanjutkan pengajian di peringkat tertinggi tanpa mengira latar belakang ekonomi.

Katanya, sebarang maklumat berkaitan bantuan kebajikan boleh diperolehi dengan menghubungi Bahagian Kebajikan dan Kewangan

Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS di talian 088-320 060 atau emel bkkp@ums.edu.my.

Berdasarkan laporan media, Crisnalina dikatakan sudah cuba untuk memohon bantuan yang disediakan kerajaan negeri, namun

talian Internet yang kurang baik menjelaskan usahanya.

Beliau menerima tawaran untuk melanjutkan pengajian di UMS dan perlu membayar yuran pendaftaran selewat-lewatnya pada tarikh akhir 14 Oktober ini.